Tenaga Nasional Bhd lwn Eoss Grand Industries (M) Sdn Bhd

A

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — NO 22NCVC-137–04 TAHUN 2012
VERNON ONG H
19 DISEMBER 2012

B

Keterangan — Saksi pakar — Kekompetenan saksi — Saksi pertama kali memberi keterangan — Sijil kompetensi terkini tidak dikemukakan — Kredibiliti saksi pakar

C

Utiliti Awam — Elektrik — Caj untuk kegunaan elektrik — Usikan elektrik — Meter elektrik yang diusik merekodkan penggunaan elektrik yang kurang daripada sebenar — Sama ada usikan pada meter dibuktikan — Hak menuntut jumlah terkurang caj akibat usikan

D

Plaintif ('TNB') telah membekalkan tenaga elektrik ke kilang defendan di mana terdapat dua pemasangan meter. TNB telah melakukan dua pemeriksaan ke atas pemasangan meter di kilang defendan. Pemeriksaan pertama dilakukan oleh empat orang juruteknik TNB manakala pemeriksaan kedua dilakukan oleh dua orang juruteknik TNB. TNB sekali lagi melakukan pemeriksaan ke atas pemasangan meter di kilang defendan dan ini dilakukan oleh empat orang juruteknik TNB. Kesemua pemeriksaan menunjukkan bahawa kedua-dua pemasangan meter di kilang defendan telah diusik. Kerugian dianggarkan sebanyak RM1,336,012.01 bagi tempoh September 2008 sehingga November 2008 dan dari Ogos 2010 hingga Mac 2011. Defendan telah menafikan pemeriksaan pertama dan kedua dan usikan/gangguan pada pemasangan meter seperti yang didakwa oleh TNB dengan hujahan bahawa defendan tidak mempunyai akses kepada pemasangan meter tersebut. Defendan juga mempertikaikan pengiraan kerugian hasil berdasarkan purata dan anggaran tanpa mengambil kira penggunaan meter sebenar kilang defendan sepanjang tempoh November 2008 hingga Mac 2011. Bagi mempertikaikan keterangan tuntutan plaintif untuk kerugian hasil, pihak defendan telah memanggil seorang saksi pakar ('DW2') berkenaan kira-kira dalam bidang elektrikal. Mengikut DW2, formula pengiraan bagi menukar bacaan arus-arus elektrik dan bagi mengesahkan pengiraan secara kWh penggunaan untuk sebulan atau 30 hari boleh dikira dengan syarat nilai-nilai arus elektrik boleh diketahui. Bagi DW2, premis defendan tidak boleh menggunakan beban elektrik melebihi 625 kW dengan penggunaan maksimum sebulan adalah sebanyak 450,000 kWh sahaja. Justeru jumlah maksima adalah RM175,500. Isu-isu yang timbul adalah sama ada berlaku usikan pada pemasangan meter di kilang defendan

E F G H I

dan jika ya, sama ada defendan bertanggungan untuk membayar jumlah RM1,336,012.01 yang dituntut.

Diputuskan, membenarkan tuntutan dengan kos:

(1) Keterangan-keterangan saksi-saksi plaintif jelas menunjukkan berlakunya usikan atau gangguan pada pemasangan-pemasangan meter di kilang defendan. Oleh yang demikian, Mahkamah mendapati bahawa plaintif telah dapat membuktikan satu kes *prima facie*. Justeru, beban untuk mengemukakan keterangan telah dipindah dan terletak pada pihak defendan untuk membuktikan pembelaannya. Defendan telah gagal membuktikan apa-apa pembelaan terhadap dakwaan plaintif atas usikan pemasangan meter. Defendan juga telah gagal mempertikaikan pengiraan kerugian hasil yang dikeluarkan oleh saksi pakar plaintif (lihat perenggan 20–21).

(2) Ini merupakan kali pertama DW2 memberi keterangan sebagai seorang saksi pakar. Dia tidak dapat mengemukakan sijil kompetensi yang terkini dan hanya bergantung kepada perakuan kekompetanan di bawah Electrical Inspectorate Act 1983 yang telah dimansuhkan. DW2 juga mengaku bahawa dia telah dijemput untuk hadir ke kilang defendan berdasarkan hubungan persahabatannya dengan salah seorang pekerja defendan. Mahkamah mendapati bahawa kredibiliti DW2 sebagai seorang saksi pakar adalah meragukan dan keterangannya harus ditimbang dengan waspada. Pada keseluruhannya, mahkamah mendapati bahawa keterangan saksi plaintif tentang pengiraan kerugian hasil adalah lebih tepat, lengkap dan kredibel. Manakala, keterangan DW2 tidak dapat diterima pakai atas keraguan kredibiliti DW2 sebagai seorang saksi pakar. Justeru, defendan adalah bertanggungan untuk membayar tuntutan plaintif (lihat perenggan 24–25).

[English summary

The plaintiff ('TNB') had supplied electricity to the defendant's factory where there were two meter installations. TNB made two inspections on the meter installations in the defendant's factory. The first inspection was done by four TNB technicians whereas the second inspection was done by two TNB technicians. All the inspections showed that both meter installation in the defendant factory had been tampered. The estimated loss amounted to RM1,336,012.01 for the duration of September 2008 to November 2008 and from August 2010 to March 2011. The defendant had denied the first and second inspection and tempering/interference to the meter installation as alleged by TNB by contending that the defendant had no access to the meter installation. The defendant also disputed the calculation of the loss of revenue based on the average and estimation without taking into account the use of the actual meter of the defendant's factory for the whole of November 2008 to March 2011. In order to dispute the plaintiff's evidence on the loss of revenue,

the defendant had called an expert witness ('DW2') with regards to the calculation in the electrical field. According to DW2, the calculation formula to transfer the reading of the electric current and to confirm the reading in accordance to kWh usage for a month or 30 days it could be computed with the condition that the value of the electric current was known. For DW2, the defendant's premises could not use the electricity burden in excess of 625 kW with the maximum usage per month was only 450,000 kWh. Hence, the maximum amount was RM175,500. The issues that arose was whether there was tampering of the meter installation in the defendant's factory and if yes, whether the defendant was liable to pay the amount of RM1,226,012.01 as claimed.

Held, allowing the claim with costs:

(1) The witnesses' evidence clearly showed that there was tampering or interference on the meter installations in the defendant's factory. Therefore, the court found that the plaintiff had proven a prima facie case. Hence, the burden to adduce evidence was shifted and was on the defendant to prove its defence. The defendant's had failed to prove any defence on the plaintiff's allegation of tampering with the meter installation. The defendant had also failed to dispute the computation of the loss of revenue released by the plaintiff's expert witness (see paras 20–21).

(2) This was the first time DW2 testified as an expert witness. He could not adduce the latest certificate of competency and only relied on the affirmation of competency under the Electrical Inspectorate Act 1983 which was repealed. DW2 also did not admit that he was invited to the defendant's factory based on his friendship with one of the defendant's employee. The court found that DW2's credibility as an expert witness was doubtful and his evidence must be considered with caution. On the totality, the court found that the evidence of the plaintiff's witness on the calculation of the loss of revenue was more accurate, complete and credible. Whereas, the evidence of DW2 was inadmissible based on the doubt on DW2's credibility as an expert witness. Hence, the defendant was liable to pay the plaintiff's claim (see paras 24–25).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai kekompetenan saksi, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 1689.

Untuk kes-kes mengenai caj untuk kegunaan elektrik, lihat 10 *Mallal's Digest*, (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 2188–2189.

Kes-kes yang dirujuk

Abrath v North Eastern Rly Co (1883) 11 QBD 440, MR (dirujuk)
Selvaduray v Chinniah [1939] 1 MLJ 253 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 ss 101, 102
Electrical Inspectorate Act 1983

Izatunlina bt Jamaludin (Abd Rahim bin Ali bersamanya) (Shahrizat Rashid & Lee) bagi pihak plaintif.
Azahir bin Nasir (Surainie bt Md Salleh bersamanya) (Azahir Surainie & Azizan Ariff) bagi pihak defendan.

Vernon Ong H:

[1] Tuntutan TNB terhadap defendan adalah untuk kerugian hasil (*loss of revenue*) berjumlah RM1,336,012.01 akibat usikan pada pepasangan meter di kilang plastik defendan.

LATAR BELAKANG RINGKAS

[2] Plaintif ('TNB') telah membekalkan tenaga elektrik ke kilang *semi-detached* defendan yang terletak di No 26 & 28, Jalan Sri Plentong 8, Sri Plentong Industrial Park, Masai, Johor. Terdapat dua pemasangan meter di kilang defendan; satu di premis No 26 di bawah akaun bernombor 705617 dan satu lagi di premis No 28 di bawah akaun bernombor 705618.

[3] Pada 25 November 2008, TNB telah melakukan dua pemeriksaan ke atas pemasangan meter di kilang defendan. Pemeriksaan pertama ('Pemeriksaan 1') dilakukan di premis No 26 oleh empat orang juruteknik TNB manakala pemeriksaan kedua ('Pemeriksaan 2') di premis No 28 dilakukan oleh dua orang juruteknik TNB. Pada 7 Mac 2011, TNB telah sekali lagi melakukan pemeriksaan ('Pemeriksaan 3') ke atas pemasangan meter di kilang defendan di premis No 28. Pemeriksaan 3 ini dilakukan oleh empat orang juruteknik TNB.

KES TNB

[4] Hasil daripada Pemeriksaan 1, TNB telah mendapati berlakunya usikan/gangguan (*tampering*) pada pemasangan meter di mana sil pada sangkar meter (*meter cage*), *test terminal block* ('TTB') dan *panel current transformer* ('CT') adalah sil palsu. Selain itu, terdapat wayar *bypass* berwama biru yang digunakan untuk memintas litar urus (S1 dan S2) bagi fasa merah, kuning dan biru pada bahagian belakang TTB. TNB telah merekodkan segala kejanggalan/usikan dan membetulkan semula pemasangan meter tersebut dengan mengeluarkan wayar *bypass* dan mensilkan semula pemasangan meter. Berdasarkan ujian kejituan yang dilakukan, meter tersebut telah gagal merekodkan arus elektrik sebanyak -93.18%, -92.77% dan -92.50% secara ralat akibat gangguan/usikan tersebut.

[5] Hasil daripada Pemeriksaan 2, TNB dapati berlakunya usikan/gangguan pada pemasangan meter di mana sil pada sangkar meter, panel meter dan TTB adalah sil palsu. Selain itu, terdapat wayar *bypass* berwarna biru yang bersambung dari TTB dalam panel meter dan dipintaskan pada ketiga-tiga fasa pada rod TTB. Wayar *bypass* melalui lubang ditebuk pada dinding panel meter dan diikat pada skru di bawah panel meter untuk memudahkannya ditarik. TNB telah merekodkan segala kejanggalan dan membetulkan semula pemasangan meter dengan mengeluarkan wayar *bypass* dan mensilkan semula pemasangan meter. Berdasarkan ujian kejituan yang dilakukan, meter tersebut telah gagal merekodkan arus elektrik sebanyak -87.62%, -89.26% dan -75.68% secara ralat akibat gangguan tersebut.

[6] Hasil daripada Pemeriksaan 3, TNB dapati usikan di mana terdapat tali tangsi yang masuk ke dalam bilik pemasangan meter dan melalui di bawah lantai slab konkrit yang mana tali tangsi tersebut telah disambungkan dengan dawai tembaga yang memintaskan pendawaian arus bagi fasa merah, kuning dan biru. TNB telah merekodkan segala kejanggalan dan membetulkan semula pemasangan meter tersebut dengan mengeluarkan dawai tembaga dan mensilkan pemasangan meter dan memasang sil keselamatan.

[7] Kesemua pemeriksaan jelas menunjukkan kedua-dua pemasangan meter di kilang defendan telah diusik. Setelah melakukan pengiraan semula, kerugian hasil yang dialami oleh TNB secara keseluruhannya adalah RM1,336,012.01 bagi tempoh September 2008–November 2008 dan dari Ogos 2010–Mac 2011.

PEMBELAAN DEFENDAN

[8] Secara am, defendan telah menafikan Pemeriksaan 1 dan 2 di kilang defendan dan usikan/gangguan pada pemasangan meter seperti dikatakan oleh TNB berdasarkan defendan tidak mempunyai akses kepada pemasangan meter tersebut. Defendan juga mempertikaikan pengiraan kerugian hasil berdasarkan purata dan anggaran tanpa mengambil kira penggunaan meter sebenar kilang defendan sepanjang tempoh November 2008–Mac 2011.

KETERANGAN YANG DIKEMUKAKAN DALAM PERBICARAAN

[9] Bagi membuktikan kesnya, TNB telah memanggil tujuh orang saksi terdiri daripada enam orang juruteknik TNB iaitu (a) En Mohd Lukman bin Mohd Hajali ('PW1'), (b) En Mohd Satri bin Mohamad ('PW2'), (c) En Muhammad Azam bin Harun ('PW3'), (d) Cik Rosilawati bt Roslan ('PW4'), (e) En Mohd Fairuz bin Riduan ('PW5'), dan (f) En Mohamad Fitri bin Mohaini ('PW6') serta (g) seorang pengurus SEAL Zon Selatan En Ramesh a/l Thangaveloo ('PW7'). Manakala pihak defendan telah memanggil dua orang

saksi terdiri daripada sorang pengarah syarikat defendan En Goh Nguang Chian ('DW1') dan En Mohd Zaidee bin Che Hassan ('DW2') yang merupakan seorang pengarah urusan Zedcon Engineering (M) Sdn Bhd.

Pemeriksaan 1

[10] Pemeriksaan 1 telah dilakukan oleh PW1 berserta PW2, PW4 dan En Mohd Idzwan bin Mohd Yatim. Hasil pemeriksaan, PW1 mendapati sil pada sangkar meter adalah sil palsu (gambar ms 8, ikatan A). PW1 kemudian membuka sangkar meter dan mendapati sil pada panel meter juga adalah sil palsu (gambar ms 9, ikatan A). Setelah menjalankan pemeriksaan lanjut, PW1 dapati sil pada TTB juga adalah sil palsu (gambar ms 9, ikatan A). Semasa pemeriksaan semula, PW1 telah menjelaskan bahawa sil tersebut adalah sil palsu berdasarkan bentuk nombor dan logo TNB yang terdapat pada sil tersebut. Seterusnya melakukan pemeriksaan lanjut, PW1 dapati adanya wayar *bypass* berwarna biru yang dipintaskan pada fasa merah, kuning dan biru di TTB (gambar ms 16–17, ikatan A). Wayar *bypass* tersebut melalui lubang yang ditebuk pada dinding panel meter dan diikat pada skru di bawah panel meter untuk memudahkan ditarik (gambar ms 8, ikatan A).

[11] PW1 kemudian melakukan ujian pemasangan meter dan mendapati paparan meter tidak menunjukkan nilai penggunaan arus elektik yang sebenarnya akibat wayar *bypass* tersebut. PW1 mengeluarkan wayar *bypass* tersebut dan mensilkan semula pemasangan meter serta menampal stiker keselamatan. Hasil ujian yang dijalankan selepas wayar *bypass* dikeluarkan menunjukkan pemasangan meter dalam keadaan normal dan baik serta merekodkan bacaan arus elektrik yang sebenarnya.

[12] Pemeriksaan pemasangan meter dilakukan dengan kehadiran wakil atau pekerja defendan (gambar ms 24, ikatan A) yang kemudian telah menandatangani borang pemeriksaan (ms 1–2, ikatan A). PW4 telah memberi keterangan bahawa beliau yang bertanggungjawab untuk mengisi borang pemeriksaan berdasarkan kepada pemeriksaan pemasangan meter yang dilakukan oleh PW1; dan borang tersebut telah ditandatangani oleh seorang wakil/pekerja defendan bernama Toh Wee Peng (ms 2, ikatan A). Pada 26 November 2008, PW1 membuat laporan polis (ms 3, ikatan A) tentang usikan yang berlaku pada pemasangan meter di premis No 26. Gambar-gambar usikan telah diambil oleh PW2 yang telah memberi keterangan yang turut hadir.

Pemeriksaan 2

[13] Pemeriksaan 2 telah dilakukan pada pemasangan meter di premis No 28 pada 25November 2008 oleh PW3 bersama En Nik Faizal bin Jusoh

seorang juruteknik TNB. Hasil pemeriksaan, didapati sil pada sangkar meter (gambar ms 33, ikatan A) adalah sil palsu dan diusik. PW3 kemudian membuka sangkar meter dan mendapati sil pada panel meter juga adalah sil palsu dan telah diusik (gambar ms 35, ikatan A). Setelah menjalankan pemeriksaan lanjut, PW3 dapati sil pada TTB juga adalah sil palsu (gambar ms 37, ikatan A). Semasa disoal balas, PW3 menjelaskan bahawa sil palsu di kilang defendan dan sil sebenar berdasarkan nombor siri, logo TNB dan saiznya.

[14] PW3 seterusnya melakukan pemeriksaan lanjut dan mendapati terdapat wayar *bypass* berwarna biru yang bersambung dari TTB dalam panel meter dan dipintaskan pada ketiga-tiga fasa pada rod TTB (gambar ms 40, ikatan A). Wayar tersebut melalui lubang yang ditebuk pada dinding panel meter dan diikat pada skru di bawah panel meter untuk memudahkannya ditarik (gambar ms 34, ikatan A).

[15] PW3 melakukan ujian pemasangan meter dan mendapati paparan meter tidak menunjukkan nilai penggunaan arus elektrik yang sebenar akibat wayar *bypass* tersebut. PW3 kemudian mengeluarkan wayar *bypass* dan mensilkan semula pemasangan meter dan menampal stiker keselamatan. Hasil ujian yang dijalankan selepas wayar *bypass* dikeluarkan menunjukkan pemasangan meter dalam keadaan normal dan baik serta merekodkan bacaan arus elektrik yang sebenamya. Pemeriksaan pemasangan meter telah dilakukan dengan kehadiran wakil/pekerja defendan yang kemudiannya menandatangani borang pemeriksaan (ms 26, ikatan A). Kemudian, PW3 membuat laporan polis pada 26 November 2008 (ms 27, ikatan A) bagi melaporkan tentang usikan yang berlaku pada pemasangan meter di premis defendan.

[16] En Nik Faisal yang mengambil gambar-gambar tersebut tidak dapat hadir untuk memberi keterangan kerana beliau berada di hospital selama dua minggu. Setelah mengambil kira alasan untuk ketidakhadiran En Nik Faizal, peguambela yang bijaksana bagi defendan telah memaklumkan kepada mahkamah bahawa beliau tidak mempunyai apa-apa bantahan tentang penerimaan gambar-gambar yang dikemukakan melalui PW3.

Pemeriksaan 3

[17] Pada 7 Mac 2011, sepasukan juruteknik TNB telah pergi ke premis No 28 untuk melakukan pemeriksaan rutin ke atas pemasangan meter di kilang defendan. Pasukan tersebut termasuk PW1, PW5, PW6 dan En Mohd Helmi bin Abdullah. PW6 yang melakukan pemeriksaan ke atas pemasangan meter telah mendapati terdapat tali tangsi yang masuk dari bilik pemasangan meter dan melalui di bawah lantai slab konkrit. Selepas membuka slab konkrit

tersebut, PW6 mendapati tali tangsi telah disambungkan dengan dawai tembaga yang memintaskan pendawaian arus bagi fasa merah, kuning dan biru (gambar-gambar ms 59–60, ikatan A). Beliau telah merekodkan segala kejanggalan/usikan dan membetulkan semula pemasangan meter dengan mengeluarkan dawai tembaga tersebut dan mensilkan semula pemasangan meter dan memasang stiker keselamatan. Berdasarkan ujian pemasangan meter yang dilakukan, paparan meter tidak menunjukkan nilai penggunan arus elektrik yang sebenar akibat gangguan/usikan tersebut. PW5 yang mengambil gambar-gambar premis kilang, wakil defendan yang turut hadir serta semasa pemeriksaan dijalankan, kejanggalan pada pemasangan meter dan tindakan pembetulan yang dilakukan pada pemasangan meter.

PENENTUAN MAHKAMAH

[18] Berdasarkan kepada fakta-fakta yang terkandung dalam pliding, dua isu utama yang perlu ditentukan adalah berikut:

(a) sama ada berlaku usikan pada pemasangan meter di kilang defendan?; dan

(b) jika ya, sama ada defendan bertanggungan untuk membayar jumlah RM1,336,012.01 yang dituntut?

Sama ada berlaku usikan pada pemasangan meter di kilang defendan?

Beban membuktikan

[19] Adalah nyata bahawa pihak plaintif yang berhasrat supaya mahkamah memberikan penghakiman tentang apa-apa hak atau tanggungan di sisi undang-undang, bergantung kepada kewujudan fakta yang ditegaskan olehnya, mestilah membuktikan bahawa fakta itu wujud (s 101 Akta Keterangan 1950). Dalam pada itu, beban adalah pada pihak plaintif adalah: (a) beban untuk membuktikan satu kes; dan (b) beban untuk mengemukakan keterangan. Beban ini terletak pada pihak plaintif sepanjang dan keseluruhan perbicaraan. Beban untuk mengemukakan keterangan hanya dipindah dan terletak pada pihak defendan selepas pihak plaintif berjaya membuktikan kesnya. Dengan itu, jika pihak plaintif gagal untuk membuktikan kesnya pada tahap imbangan kebarangkalian, pihak defendan tidak perlu mengemukakan sebarang keterangan. Jika pihak plaintif gagal berbuat demikian, pihak plaintif tidak boleh mengatakan bahawa defendan telah gagal untuk membuktikan pembelaannya (*Selvaduray v Chinniah* [1939] 1 MLJ 253 (CA); s 102 Akta Keterangan 1950). Sehubungan dengan ini, di dalam kes *Selvaduray v Chinniah*, Terrel Ag CJ telah mengguna pakai prinsip yang dinyatakan oleh Mahkamah Rayuan di *Abrath v North Eastern Rly Co* [1883] 11 QBD 440 berkata:

In such a case as the present the position has been clearly stated in the judgment of Brett MR in *Abrath v North Eastern Railway Co* (1883) 11 QBD 440, at p 452:

> But then it is contended (I think fallaciously), that if the plaintiff has given prima facie evidence, which, unless it be answered, will entitle him to have the question decided in his favour, the burden of proof is shifted on to the defendant as the decision of the question itself. This contention seems to be the real ground of the decision in the Queen's Bench Division. I cannot assent to this. It seems to me that the propositions ought to be stated thus: the plaintiff may give prima facie evidence which, unless it be answered either by contradictory evidence or by the evidence of additional facts, ought to lead the jury to find the question in his favour: the defendant may give evidence either by contradicting the plaintiff's evidence or by proving other facts: the jury have to consider upon the evidence given upon both sides, whether they are satisfied in favour of the plaintiff with respect to the question which he calls them to answer; if they are, they must find for the plaintiff; but if upon consideration of the facts they come clearly to the opinion that the question ought to be answered against the plaintiff; they must find for the defendant. Then comes this difficulty — suppose that the jury, after considering the evidence, are left in real doubt as to which way they are to answer the question put to them on behalf of the plaintiff: in that case also the burden of proof lies upon the plaintiff, and if the defendant has been able by the additional facts which he has adduced to bring the minds of the whole jury to a real state of doubt, the plaintiff has failed to satisfy the burden of proof which lies upon him.

Applying the principles laid down by the Court of Appeal in the above case, it is clear that the onus is on the plaintiff to prove his case. After the conclusion of the whole case there must be some preponderance in his favour. It may be true that the plaintiff established a prima facie case, but at the conclusion of the trial the learned judge has found that the position was exactly even, ie.that any preponderance in the plaintiff's favour had disappeared. That being the case the plaintiff must necessarily fail, as he has not discharged the onus which is upon him. No doubt the defendant would equally have failed if he had been the claimant and had tried to establish, as a substantive part of his case, the alternative version which he tried to prove in answer to that of the plaintiff. But as he was not the claimant, that consideration is quite immaterial. It is quite sufficient for his purpose if he can satisfy the court that the plaintiff has not established his case and the learned judge has so found.

[20] Dalam pada itu isu utama yang perlu ditentukan adalah sama ada berlaku usikan pada pemasangan meter di kilang defendan pada Pemeriksaan 1, Pemeriksaan 2 dan Pemeriksaan 3. Dalam menentukan persoalan ini, mahkamah telah meneliti keterangan yang dikemukakan oleh saksi-sakai plaintif dalam perbicaraan. Pertama, keterangan yang diberikan oleh PW1, PW2 dan PW4 jelas menunjukkan berlakunya usikan atau gangguan pada pemasangan meter di kilang defendan beralamat No 26 Jala Sri Plentong 8 pada 25 November 2008. Mahkamah juga menerima keterangan PW3 yang jelas menunjukkan bahawa pada hari yang sama, terdapat usikan pada papasangan meter di kilang defendan beralamat No 28 Jalan Sri Plentong 8. Keterangan untuk Pemeriksaan 3 yang dikemukakan oleh PW6 dan PW5 juga

menunjukkan terdapat usikan pada pemasangan meter di kilang defendan beralamat No 28 pada 7 Mac 2011. Oleh yang demikian, mahkamah mendapati bahawa plaintif telah dapat membuktikan satu kes prima facie. Justeru, beban untuk mengemukakan keterangan telah dipindah dan terletak pada pihak defendan untuk membuktikan pembelaannya.

[21] Pembelaan defendan berdasarkan kepada keterangan DW1. Mengikut DW1, terdapat dua buah mesin di No 26 dan empat buah mesin di No 28 yang beroperasi sehingga 24 jam dalam tempoh tujuh hari seminggu bergantung kepada pesanan. Defendan menjalankan kerja-kerja perkilangan membuat *Jerry Can*. Beliau mengatakan defendan tidak mengusik pemasangan meter kerana meter-meter adalah di dalam kawalan TNB. Keterangan yang diberikan oleh DW1 bagi membuktikan pembelaan adalah dakwaan semata-mata. Keterangan yang dikemukakan oleh plaintif melalui keterangan lisan saksi-saksi plaintif serta laporan pemeriksaan dan gambar-gambar jelas menunjukkan terdapat usikan seperti didakwa oleh pihak plaintif. Setelah menimbang keterangan oleh DW1, mahkamah mendapati bahawa defendan telah gagal untuk mengemukakan keterangan untuk membuktikan pembelaannya. Oleh yang demikian, mahkamah memutuskan bahawa ada berlaku usikan pada pemasangan meter di kilang defendan pada Pemeriksaan 1, 2 dan 3.

Sama ada defendan bertanggungan untuk membayar jumlah RM1,336,012.01 yang dituntut?

[22] Tuntutan plaintif untuk jumlah tersebut berdasarkan kepada keterangan PW7. PW7 bertanggungjawab untuk memperakui dan meluluskan pengiraan semula bagi mendapatkan jumlah kerugian hasil untuk kes-kes usikan pemasangan meter. PW7 mengemukakan satu dokumen (ms 4–5 ikatan A) yang menunjukkan pengiraan untuk pengebilan semula bagi akaun 705617 yang telah dikira berdasarkan bacaan ralat yang diperolehi semasa Pemeriksaan 1 di mana amaun yang terkurang dibil adalah RM145,012.18 bagi tempoh September 2008–November 2008. Dokumen tersebut menunjukkan maklumat plaintif serta nombor akaun, tarikh bacaan bil yang diserah, jenis bacaan bil, jumlah kWh yang dibil, bilangan hari, jumlah kWh sebenar, kWh terkurang dibil dan amaun terkurang dibil. Mengikut beliau, jumlah kWh dibil bermaksud bil elektrik yang diserahkan kepada defendan berdasarkan rekod penggunaan elektrik pada setiap bulan. Jumlah kWh sebenar adalah bil elektrik yang sepatutnya diserahkan kepada defendan selepas pengiraan semula dilakukan. Pengiraan semula dilakukan untuk menuntut kerugian hasil yang dialami oleh plaintif akibat usikan pada pemasangan meter. PW7 juga mengatakan bahawa jumlah kerugian hasil yang dituntut bagi Pemeriksaan 2 adalah RM95,974.28 bagi tempoh September 2008–November 2008; manakala untuk Pemeriksaan 3 adalah

RM1,095,025.55 bagi tempoh Ogos 2010–Mac 2011 (merujuk kepada dokumen di ms 28–29 dan 52–53, ikatan A). Kemudian, PW7 telah menunjukkan dengan terperinci langkah pengiraan berdasarkan kaedah bacaan ralat yang diperolehi semasa pemeriksaan dan kaedah purata penggunaan bulanan arus elektrik di kilang defendan bagi mendapatkan jumlah tuntutan untuk kedua-dua akaun. Dalam pemeriksaan balas berkaitan beban maksima di kilang defendan, PW7 menegaskan bahawa pengiraan yang diluluskan adalah berdasarkan penggunaan arus elektrik ('kW') dan berapa jam penggunaan arus di kilang defendan.

[23] Seteleh mendengar keterangan PW7, mahkamah mendapati bahawa plaintif telah menepati beban untuk membuktikan tuntutannya untuk kerugian hasil terhadap defendan. Bagi mempertikaikan keterangan tuntutan plaintif untuk kerugian hasil, pihak defendan telah memanggil DW2 sebagai seorang pakar berkenaan kira-kira dalam bidang elektrikal. Mengikut DW2, formula pengiraan bagi menukar bacaan arus-arus elektrik dan bagi mengesahkan pengiraan secara kWh penggunaan untuk sebulan atau 30 hari boleh dikira dengan syarat nilai-nilai arus elektrik boleh diketahui. Bagi DW2, premis defendan tidak boleh menggunakan beban elektrik melebihi 625kW dengan penggunaan maksimum sebulan adalah sebanyak 450,000kWh sahaja. Justeru jumlah maksima adalah RM175,500 berdasarkan tarif 0.39.

[24] Ini merupakan kali pertama DW2 memberi keterangan sebagai seorang saksi pakar. Beliau tidak dapat mengemukakan sijil kompetensi yang terkini dan hanya bergantung kepada perakuan kekompetanan di bawah Electrical Inspectorate Act 1983 yang telah dimansuhkan. DW2 juga mengaku bahawa beliau telah dijemput untuk hadir ke kilang defendan berdasarkan hubungan persahabatan beliau dengan salah seorang pekerja defendan. Mengikut dokumentari defendan, permohonan bekalan elektrik tambahan ke kilang defendan di No 28 disediakan oleh Ir Sarkuna Singam a/l S Rajoo seorang jurutera perunding. DW2 dan DW1 juga memberi keterangan yang bercanggah berkaitan mengapa kilang meminta bekalan elektrik tambahan. DW2 mengatakan terdapat tambahan mesin di kilang tersebut tetapi DW1 pula menafikannya. Pihak yang patut dipanggil dan mempunyai pengetahuan sepenuhnya ke atas permohonan bekalan elektrik tambahan adalah Ir Sarkuna; malang, beliau tidak dipanggil untuk memberi keterangan.

[25] Atas alasan-alasan tersebut, mahkamah mendapati bahawa kredibiliti DW2 sebagai seorang saksi pakar adalah meragukan dan keterangan beliau harus ditimbang dengan waspada. Pada keseluruhannya, mahkamah mendapati bahawa keterangan PW7 tentang pengiraan kerugian hasil adalah lebih tepat, lengkap dan kredibil. Manakala, keterangan DW2 tidak dapat diterima pakai atas keraguan kredibiliti DW2 sebagai seorang saksi pakar.

Justeru, defendan adalah bertanggungan untuk membayar tuntutan plaintif.

KESIMPULAN

[26] Berdasarkan fakta kes, pernyataan saksi dan dokumen sokongan, mahkamah mendapati bahawa plaintif telah berjaya membuktikan atas imbangan kebarangkalian bahawa terdapat usikan pada pemasangan meter di kilang defendan di No 26 dan 28. Defendan telah gagal membuktikan apa-apa pembelaan terhadap dakwaan plaintif atas usikan pemasangan meter. Defendan juga telah gagal mempertikaikan pengiraan kerugian hasil yang dikeluarkan oleh PW7.

[27] Maka, adalah dihakimi bahawa tuntutan plaintif dibenarkan dalam perenggan (a)–(b) faedah pada kadar 5% setahun dan kos. Setelah mendengar peguambela-peguambela kedua-dua pihak atas kos, mahkamah memerintahkan kos tetap sebanyak RM35,000 kepada plaintif.

Tuntutan dibenarkan dengan kos.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor